

MAJLIS DAERAH MERSING

DOKUMEN SEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA : MD.MG.SH/12/2022

TAJUK

**SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN
KENDERAAN TERPAKAI**

URUSETIA
JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET ALIH
NO. 1, JALAN TUN DR. ISMAIL,
86800 MERSING, JOHOR
TEL: 077981818
EMEL: info@mersing.gov.my
LAMAN SESAWANG: www.mdmersing.gov.my

Kepada:

Penyebut harga / Pembida yang hendak memasuki tawaran hendaklah mematuhi senarai semak seperti di bawah ini.

Sila ambil perhatian, bersama-sama ini dilampirkan arahan-arahan seperti berikut untuk diisi oleh Penyebut harga / Pembida:

1.	Borang Maklumat Diri Pembida - (Pemilik Syarikat) Lampiran C1 & C2 ATAU	
2.	Borang Maklumat Diri Pembida - (Individu) Lampiran D1 & D2	
3.	Borang KEW.PA-25 - Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih (diwajibkan)	

Perkara bilangan 1, 2 dan 3 hendaklah dicetak menggunakan kertas berwarna putih.

Penyebut harga / Pembida wajib mengisi maklumat dengan lengkap pada dokumen di Lampiran. Penyebutharga/pembida hendaklah mengisi sama ada Lampiran C atau Lampiran D (Bergantung sama ada pembida adalah Syarikat atau Individu).

Kegagalan mengisi mana-mana lampiran dengan lengkap akan menyebabkan tawaran **DITOLAK** dan tidak akan dipertimbangkan.

Sila tandakan pada kotak yang disediakan.

Nota Tambahan:

Pembida hendaklah mengisi samada:

- a) 1 dan 3 - Pembida adalah syarikat.
- b) 2 dan 3 - Pembida adalah individu / orang perseorangan.

KANDUNGAN

- BAHAGIAN A - BORANG KEW.PA-24**
- BAHAGIAN B - SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA**
- BAHAGIAN C - BORANG MAKLUMAT DIRI PEMBIDA SYARIKAT***
- BAHAGIAN D - BORANG MAKLUMAT DIRI PEMBIDA INDIVIDU***
- BAHAGIAN E - BORANG KEW.PA-25**

**SILA ISI SALAH SATU*

BAHAGIAN A
BORANG KEW.PA-24

No. Sebut harga : **MD.MG.SH/12/2022**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN
MAJLIS DAERAH MERSING**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Lot.	Keterangan Aset	Kuantiti	Harga Simpanan
1.	NISSAN X-TRAIL 2.5L CVT	1	5,000.00
2.	PROTON WAJA 1.6 (A)	1	4,000.00
3.	LORI PIKAP (PICK-UP) ISUZU TFR54HSRF	1	900.00

2. Aset boleh dilihat pada tarikh **20 hingga 26 Julai 2022** di antara jam **10.00 pagi hingga 3.00 petang** di **Pejabat Majlis Daerah Mersing, No. 1, Jalan Tun Dr. Ismail, 86800 Mersing.**
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-25) yang boleh diperolehi di laman web rasmi www.mdmersing.gov.my. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga **MD.MG/SH/12/2022** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat:-

**Majlis Daerah Mersing
No. 1, Jalan Tun Dr. Ismail,
86800 Mersing, Johor Darul Takzim.**

5. Tarikh tutup sebut harga adalah **pada 27 Julai 2022 jam 12.00 tengahari**. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.


(MOHD NORMAN BIN HAJI NOH)
Yang Dipertua
Majlis Daerah Mersing
Tarikh : 20 Julai 2022

BAHAGIAN B
SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk wang pos atau draf bank sahaja atas nama Majlis Daerah Mersing.
3. Tawaran tanpa atau kurang jumlah deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri serta segala urusan berkaitan dengan JPJ, Puspakom dan Kastam hendaklah ditanggung sendiri oleh pembeli.
7. Penyebut harga / Pembida yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Penyebut harga / pembida yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh tujuh (7) hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.
9. Pihak Majlis berhak membatalkan tawaran sekiranya di dapati pembida yang telah berjaya membida mengemukakan **bank draf** yang meragukan.
10. Jika penyebut harga / pembida hendak membida lebih dari sebuah kenderaan, pembida dikehendaki mengemukakan borang sebutharga iaitu **KEW.PA-25** dan deposit **5% dari harga bidaan bagi setiap satu lot secara bank draf. KEW.PA-25 dan bank draf** hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat dan di luar sampul surat hendaklah di tanda no lot yang dibida. **Setiap satu lot bidaan hendaklah di masukkan ke dalam sampul surat dan di buat secara berasingan.**

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. Majlis adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut harga adalah muktamad.
2. Penyebut harga/Pembida adalah diwajibkan mengisi segala maklumat seperti yang yang dilampirkan samada **Lampiran C ATAU Lampiran D** serta **KEW.PA-25. (WAJIB)**
3. Penyebut harga/Pembida dikehendaki menyertakan deposit sebutharga sebanyak **5% daripada harga bidaan atau nilai maksima RM 5,000.00 mengikut mana yang terendah bagi setiap aset.**
4. Lawatan tapak untuk melihat kenderaan adalah dibenarkan bermula pada **20 hingga 26 Julai 2022 mulai jam 10.00 pagi sehingga 3.00 petang.**
5. Dokumen boleh dimuat turun melalui laman web rasmi Majlis: **www.mdmersing.gov.my** mulai **20 Julai 2022.**
6. Dokumen sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan **No. Lot bidaan.**
7. **Bank Draft** hendaklah dimasukkan dalam sampul yang telah lengkap disertakan dengan No. Lot. Kenderaan yang dibida seperti yang diterangkan dalam **Syarat-Syarat dan Peraturan Sebut harga.**
8. Segala perbelanjaan bagi penyediaan dokumen sebutharga hendaklah ditanggung oleh penyebutharga/pembida sendiri.
9. Sebut harga ini sah dalam tempoh sembilan puluh (90 hari) dari tarikh tutup sebutharga.
10. Semua penyebut harga / pembida adalah diingatkan supaya tidak terlibat dalam aktiviti jenayah rasuah berkaitan dengan perolehan ini. Sehubungan dengan itu, para penyebutharga / pembida diberi peringatan berikut :-
 - a) Sebarang perbuatan atau percubaan memberi rasuah untuk menawar dan memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana orang berkaitan perolehan ini merupakan satu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
 - b) Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota perkhidmatan awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke Pejabat Suruhanjaya Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)
 - c) Tanpa Prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)

BAHAGIAN C
BORANG MAKLUMAT DIRI PEMBIDA
SYARIKAT

**MAJLIS DAERAH MERSING****A. BORANG MAKLUMAT DIRI PEMILIK SYARIKAT**

Bil.	Maklumat Syarikat	
1.	Nama Syarikat	
2.	Alamat Pejabat	
3.	Alamat Premis Cawangan (jika ada)	
4.	No. Pendaftaran Syarikat (SSM)	
5.	No. Telefon	Pejabat : Bimbit : Faks :

B. PENGAKUAN PEMILIK SYARIKAT

Saya Nombor K/P:
Pemilik syarikat nombor pendaftaran syarikat dengan ini mengaku bahawa maklumat-maklumat yang terkandung di dalam permohonan ini adalah benar dan betul dan saya sedar adalah menjadi **SATU KESALAHAN** jika maklumat-maklumat yang terkandung di dalam permohonan ini adalah **PALSU**.

Tandatangan :

Alamat Syarikat :
.....
.....

Tarikh :

Cap Syarikat :

BAHAGIAN D
BORANG MAKLUMAT DIRI PEMBIDA
INDIVIDU

**MAJLIS DAERAH MERSING****A. BORANG MAKLUMAT DIRI INDIVIDU**

Bil.	Maklumat Peribadi	
1.	Nama	
2.	No. Kad Pengenalan	
3.	Alamat Surat Menyurat	
4.	Nama & Alamat Majikan	
5.	No. Telefon	Rumah : Bimbit : Faks :

B. PENGAKUAN INDIVIDU

Saya Nombor K/P:
dengan ini mengaku bahawa maklumat-maklumat yang terkandung di dalam
permohonan ini adalah benar dan betul dan saya sedar adalah menjadi **SATU**
KESALAHAN jika maklumat-maklumat yang terkandung di dalam permohonan ini
adalah **PALSU**.

Tandatangan :

Alamat :
.....
.....

Tarikh :

BAHAGIAN E
BORANG KEW.PA-25

**BORANG SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN
MAJLIS DAERAH MERSING**

Nama Individu/ Syarikat :
No. Kad Pengenalan/ Pendaftaran Syarikat :
Alamat:

Kepada:

Majlis Daerah Mersing
No. 1, Jalan Tun Dr. Ismail,
86800 Mersing, Johor Darul Takzim.

Tuan,

Tawaran Untuk Sebut Harga No. MD.MG.SH/12/2022

Merujuk kepada perkara di atas, saya/ syarikat berminat menyertai sebut harga tersebut.

2. Tawaran saya/ syarikat adalah seperti berikut:-

Lot.	Keterangan Aset	Kuantiti	Harga Tawaran (RM)	Deposit Sebut Harga (RM)

Nota: Sila isi KEW.PA-25 untuk setiap 1 lot kenderaan yang dibida.

3. Bersama-sama ini disertakan deposit sebut harga (sebanyak 5% daripada harga tawaran aset di atas atau RM5,000 mengikut mana yang terendah) yang bernilai RM (Ringgit Malaysia) dalam bentuk wang pos/ draf bank no. atas nama **Majlis Daerah Mersing**.

4. Saya/ syarikat memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat yang ditetapkan.




Sekian, terima kasih.

Tandatangan :

Tarikh :

Nama/Cap Syarikat :

MAKLUMAT KENDERAAN

LOT	KETERANGAN ASET	IMEJ	NO. PENDAFTARAN	TAHUN BELI	HARGA SIMPANAN
1	NISSAN X-TRAIL 2.5L CVT		JJX 8000	2006	5,000.00
2	PROTON WAJA 1.6 (A)		JLH 800	2009	4,000.00
3	LORI PIKAP (PICK-UP) ISUZU TFR54HSRF		JCK 4936	1991	900.00